

16/02/1999

G15 bertekad jadi kumpulan aktif

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara-negara Kumpulan 15 (G15) berjanji untuk muncul sebagai satu kumpulan yang cergas dalam semua forum antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tekad itu dibuat selepas pemimpin negara yang hadir di Sidang Kemuncak G15 di Jamaica, minggu lalu menyedari hakikat mereka selama ini belum lagi berjaya muncul sebagai satu kumpulan yang padu.

"Mereka berpendapat G15 sehingga kini tidak menzahirkan diri mereka sebagai satu kumpulan, tidak ada satu mistik, kata mereka."

"Mereka mahu G15 muncul sebagai satu kumpulan yang aktif dalam segala perjumpaan antarabangsa," katanya sekembalinya dari sidang kemuncak itu, hari ini.

Dr Mahathir berkata, G15 juga menyokong penuh pendirian Malaysia mendesak badan kewangan dunia memperkenalkan peraturan atau sistem bagi mengawal perdagangan mata wang, termasuk proses globalisasi yang turut mengancam ekonomi negara membangun.

Menurutnya, ramai pemimpin negara G15 mengajukan pelbagai pertanyaan terutama mengenai tindakan Malaysia yang mengenakan pelbagai kawalan ekonomi termasuk kawalan mata wang.

"Saya dapati ramai yang tidak tahu, tidak mempunyai pengalaman. Mereka tidak diserang, kerana itu mereka tidak faham mengenai penurunan nilai mata wang ini, siapa melakukannya, siapa yang untung dan siapa rugi."

"Banyak perkara mengenai penurunan nilai mata wang ini mereka tidak hargai, kerana mereka tidak tahu... kerana itu saya banyak disoal, Senegal terutamanya ingin tahu dengan lebih mendalam," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia akan menghantar sekumpulan pakar ke negara G15 bagi memberi penjelasan mengenai cara kerajaan menangani masalah penurunan nilai mata wang sejak tahun lalu.

Menurutnya, negara seperti Brazil juga membayangkan keinginan untuk menyertai Malaysia dalam memperkenalkan kawalan modal berpilih ke atas ekonominya tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana terikat dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Dia (Brazil) tanya bertalu-talu dan mereka ingin tahu tetapi mereka terikat dengan IMF dan sukar untuk memperkatakan sesuatu yang mungkin tidak disukai IMF," katanya.

Beliau berkata, pendirian G15 itu turut disokong oleh Presiden Perancis, Jacques Chirac, apabila mereka mengadakan perbincangan di Paris, semalam.

Ditanya kenapa tidak ada negara Asean lain mengikut jejak Malaysia dalam mengawal mata wang mereka, Dr Mahathir berkata beliau faham masalah negara-negara terbabit: "Itu adalah pendirian mereka."

Mengenai lawatannya ke Jordan, Dr Mahathir berkata beliau bertemu Raja Abdullah dan isterinya serta Permaisuri Noor bagi menyampaikan takziah kepada keluarga Diraja Jordan itu.

Perdana Menteri berkata kunjungan itu wajar kerana Jordan adalah sahabat rapat Malaysia.

(END)